

Buku khas perjelas isu dibangkit Dr Mahathir

Jemaah Menteri turut guna akhbar sampaikan mesej kepada rakyat

Oleh Mohd Feroz Aba Bakar

PUTRAJAYA: Kabinet memutuskan untuk menerbitkan buku khas bagi memberi penjelasan kepada rakyat berhubung pelbagai isu yang dibangkitkan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi ditugaskan mengumpul maklumat dan input untuk penerbitan buku berkenaan.

Buku yang akan diedarkan secara percuma kepada orang ramai adalah sama seperti penerbitan yang menerangkan sebab kerajaan terpaksa

"Yang penting rakyat mendapat penjelasan mengenai setiap isu supaya mereka memahami alasan di sebalik setiap tindakan kerajaan"

Mohd Shafie Apdal
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

menaikkan harga petrol dan diesel sebelum ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata selain menerbitkan buku berkenaan, jemaah Menteri juga akan menggunakan pelbagai kaedah lain seperti iklan di akhbar dan ceramah, untuk menyampaikan mesej berkenaan kepada rakyat.

"Walau apapun kaedahnya... yang penting rakyat mendapat penjelasan mengenai setiap isu supaya mereka memahami alasan di sebalik setiap tindakan kerajaan," katanya selepas perhimpunan bulanan kementeriannya di sini, semalam.

Beliau berkata, buku ini akan dikeluarkan secepat mungkin.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Mohd Shafie berkata, penjelasan Menteri Kabinet mengenai persoalan yang dibangkitkan Dr Mahathir tidak bermakna mereka tidak menghormati bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, semua menteri masih menyanjung tinggi Dr Mahathir yang banyak berjasa dalam membangunkan negara selama 22 tahun.

Pada masa sama, beliau berkata, menteri perlu setia kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri ketika ini.

"Dr Mahathir kita hormati, Pak Lah kita taati," katanya.